



## UMP cipta kerusi untuk lelaki tanpa kaki, tangan

**K**UANTAN: "Saya boleh menggolekkan badan atas jalan raya tetapi bahaya dan terpaksa bapa saya mendukung setiap kali ke bandar untuk membeli-belah," kata Mohd Muslim Roslan, 16, yang tidak mempunyai kedua-dua tangan dan kaki.

Walaupun cacat, Mohd Muslim yang agak pendiam dan pemalu, tidak mahu menyusahkan keluarganya.

"Dulu, saya malu dengan keadaan begini tetapi sekarang tidak lagi. Saya cuma berharap dapat bergerak sendiri bagi menghilangkan kebosanan berkurung di rumah dan terpaksa menonton kawan-kawan bermain di pintu rumah," katanya ketika ditemui di rumahnya, di Felda Bukit Sagu 2 dekat sini, semalam.

Penderitaan Mohd Muslim untuk bergerak sendiri, mendapat perhatian sekumpulan pakar dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sedia mencipta kerusi khas memiliki ciri kenderaan pacuan empat roda bernilai kira-kira RM50,000.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, Profesor Madya Dr Rosli Abu Bakar yang datang sendiri menemui Mohd Muslim di rumahnya berkata, sekumpulan enam pakar UMP akan mereka bentuk kerusi roda berkenaan untuk disiapkan dalam tempoh empat bulan.

"Kita simpati dengan keadaannya dan usaha mereka bentuk kerusi roda khas ini satu cabaran besar untuk kami kerana alat ini satu-satunya yang akan dilengkapi ciri keselamatan dan kemudahan pacuan empat roda.

"Secara kasar, kerja mereka cipta kerusi roda khas ini lebih sukar berbanding kerusi yang kami cipta untuk kegunaan murid kenit di Pekan baru-baru ini dan kosnya lebih mahal, kerana Mohd Muslim tidak mempunyai tangan dan kaki untuk mengimbangi badannya.

"Kita berharap sektor korporat membantu membiayai kos membina kerusi roda khas ini kerana kami hanya mampu menyumbang kepakaran untuk mencipta," katanya.

*BM (Ahaad 22/4) 18:1*

Oleh Sariha Mohd Ali

■ Lagi berita dan gambar muka 5